

Untuk Siaran Segera  
30 Jun 2022

## **PEMEGANG UNIT ASB 3 DIDIK TERIMA PENGAGIHAN PENDAPATAN BERJUMLAH RM300 JUTA**

*Kadar pengagihan pendapatan kekal pada 4.25 sen*

- Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022.
- ASB 3 Didik mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM300 juta yang memanfaatkan 308,197 pemegang unit. Pulangan sebanyak 4.25 sen seunit ini mengatasi penanda aras pulangan 1.89% yang dicatatkan oleh Deposit Tetap 12-bulan Maybank sebanyak 236 mata asas.

**Kuala Lumpur, 30 Jun 2022:** Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022.

ASB 3 Didik mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM300 juta, bersamaan 4.25 sen seunit kepada 308,197 pemegang unit yang kini memiliki 7.06 bilion unit. Sehingga 24 Jun 2022, ASB 3 Didik merekodkan pendapatan bersih yang direalisasi sebanyak RM412.65 juta. Pengagihan pendapatan ASB 3 Didik mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12-Bulan Maybank pada 1.89% sebanyak 236 mata asas.

Pendapatan dana ini diperoleh daripada keuntungan yang direalisasi, dividen serta pendapatan lain daripada pelaburan domestik dan antarabangsa. Pelaburan antarabangsa masih merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan sebanyak 23% dan kekal lebih 20% daripada keseluruhan portfolio. Walaupun pasaran menghadapi pergolakan dan ancaman inflasi, PNB kekal teguh dalam memajukan kesejahteraan pemegang unit dengan mengagihkan pulangan yang mampan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASB 3 Didik adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi dana tersebut.

Pengagihan yang diisytiharkan akan dilaburkan semula secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Julai 2022.

Urus niaga ASB 3 Didik telah ditangguhkan buat sementara waktu di semua cawangan dan ejen ASNB termasuk semua platform digital dan perbankan internet dari 23 hingga 30 Jun 2022. Pemegang unit boleh melakukan urus niaga semula di portal myASNB ([www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my)) atau melalui aplikasi mudah alih myASNB pada 1 Julai 2022.

*-Tamat-*

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Pos Malaysia, Maybank, CIMB Bank, RHB Bank, BSN, Ambank, Affin Bank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Alliance Bank dan Bank Islam. ASNB kini mengurus 16 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 280 bilion dan lebih 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

**Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik)**

Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik) adalah dana harga tetap yang dilancarkan pada 20 April 2001 dengan objektif untuk memberi peluang pelaburan yang dapat menjana pulangan dan pertumbuhan pelaburan jangka panjang yang berpatutan.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

# PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2022

DANA HARGA TETAP



**ASB 3 Didik**

## KADAR PENGAGIHAN

**4.25**  
sen seunit

## JUMLAH PENGAGIHAN

**RM 300**  
JUTA


Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

# PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2022

DANA HARGA TETAP

Mengatasi Penanda Aras  
Sebanyak 2.36%



Nota:

Pulangan bagi Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan adalah dikira berdasarkan kadar purata bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.